



Elemen Taman Islamik yang Diutamakan Orang Awam dan Persepsi Profesional terhadap Astaka Morocco di Putrajaya Berbanding Taman Islamik Timur Tengah
Public Preference of Islamic Garden Elements and Professional Perceptions Towards Astaka Morocco in Putrajaya Compared to Middle Eastern Islamic Gardens

Open
Access

Fazlena Abd. Rahim^{1,*}, Norsidah Ujang¹, Mohamed Mohamed Tolba Said²

¹ Jabatan Senibina Landskap, Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Universiti Putra Malaysia (UPM), Malaysia

² International Institute of Islamic Civilisation and Malay World (ISTAC), International Islamic University Malaysia (IIUM), 53100 Jalan Gombak, Kuala Lumpur, Malaysia

ARTICLE INFO

ABSTRACT

Article history:

Received 13 February 2018

Received in revised form 4 April 2018

Accepted 6 April 2018

Available online 17 June 2018

Kekurangan pemahaman tentang prinsip Islam dalam reka bentuk ruang awam telah mengakibatkan kelemahan fungsi, nilai estetika dan identiti tempat di kawasan perbandaran. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti ciri dan elemen ruang bandar Islamik di Putrajaya berdasarkan persepsi masyarakat dan profesional. Kajian soal selidik telah dijalankan terhadap lebih kurang 500 orang awam untuk menganalisis persepsi masyarakat mengenai Dataran Putra dan Astaka Morocco. Temu bual berdasarkan gambar juga dijalankan terhadap lebih kurang 100 orang profesional dalam bidang alam bina untuk menilai kualiti Astaka Morocco berbanding taman Islamik Timur Tengah berdasarkan persepsi mereka. Hasil kajian menunjukkan, gaya Dataran Putra paling disukai oleh orang awam berbanding Astaka Mooroco. Para profesional menjelaskan, Astaka Morocco tidak setanding kualitinya dengan taman Islamik Timur Tengah sama ada dari segi fungsi atau nilai estetik kerana kekurangan fungsi dan tiada keunikan identiti tersendiri. Ini kerana orang ramai lebih suka gaya taman Islamik yang mencerminkan identiti tempatan dan berfungsi sebagai ruang awam yang menyediakan pelbagai kemudahan. Penemuan ini boleh dijadikan panduan dalam mereka bentuk ruang awam Islamik yang disukai oleh masyarakat.

The lack of understanding of Islamic principles in the design of public spaces has led to the weakness of the function, aesthetic value and the identity of urban places. The study seeks to identify the characteristics and elements of the Islamic urban space in Putrajaya base on publics and expert perception and preference. A questionnaire survey was conducted with approximately 500 civilians to analyse the public perception of Putra Square and Astaka Morocco. A photo base interview was carried out with approximately 100 professionals in the built environment field to evaluate the quality of Astaka Morocco in comparison to Islamic gardens in the Middle East based on their perception. The results indicate that the style of the Dataran Putra is the most preferred by the public compared to the Astaka Morocco. The professionals inform that Astaka Morocco is not comparable to the quality of Islamic gardens in the Middle East either in terms of function or aesthetic value due to the lack of understanding of the Islamic

* Corresponding author.

E-mail address: Fazlena.Abd.Rahim@alnilbil@gmail.com

gardens elements and principles. In addition, the public liked the Islamic garden style that reflects the local identity and the functions as public spaces instead of just as an exhibit or a model. The findings can be a good guide in designing the Islamic public spaces which are favoured by the public.

Keywords:

Ruang awam Islamik, ciri, elemen, orang awam, profesional, persepsi, keutamaan, Putrajaya

Islamic urban space, characteristics, publics, professionals, preference, perception, Putrajaya

Copyright © 2018 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

1. Pengenalan

Kajian ini meneroka ciri dan elemen taman Islamik di Putrajaya menurut persepsi dan keutamaan orang awam dan profesional. Putrajaya dipilih sebagai kawasan kajian kerana berdasarkan pemerhatian, reka bentuk bandar berciri Islamik telah diterapkan di dalam reka bentuk bandarnya. Selain itu, menurut kenyataan PJH [34] dalam bukunya “Pembinaan Putrajaya, Perspektif Pemaju:1995–2002”, Putrajaya telah dirancang sebagai bandar Islamik. Tujuan kajian ini adalah untuk mewujudkan reka bentuk ruang awam yang mempunyai kualiti fungsi dan nilai estetik yang tinggi sebagai prinsip asas alam bina Islamik di Malaysia. Objektif kajian ini adalah: 1) mengenal pasti elemen taman Islamik yang menjadi keutamaan orang awam di Putrajaya. 2) menganalisis tahap kesukaan orang awam terhadap gaya seni bina dan landskap Dataran Putra dan Astaka Moroco. 3) menilai kualiti Astaka Moroco dibandingkan dengan Taman Islamik Timur Tengah berdasarkan persepsi profesional.

Kajian ini penting bagi mengetahui sejauh mana tahap pengetahuan, pengalaman dan pengutamaan orang awam terhadap elemen dan gaya reka bentuk taman Islamik. Kajian ini juga penting untuk menyelesaikan masalah reka bentuk ruang awam Islamik di Malaysia, khususnya di Putrajaya bagi memperbaiki kualiti fungsi dan nilai estetik dengan mewujudkan ruang awam yang mempunyai identiti tempatan dan mesra pengguna.

Topik kajian ini juga melengkapkan kajian lepas. Antaranya penulis Zen [55] mengkaji seni bina dan reka bentuk bandar berciri Islamik di Putrajaya yang telah dipengaruhi oleh reka bentuk asing. Bagaimanapun, beliau tidak mengkaji ciri reka bentuk bandar asing yang telah mempengaruhi ruang awam Islamik di Putrajaya. Jani *et al.*, [22] mengkaji konsep taman Islam sebagai tindak balas kepada masyarakat majmuk di Malaysia. Namun, kajian mereka tidak mentafsirkan apakah prinsip, ciri dan identiti taman Islamik yang sepatutnya diterapkan di Malaysia. Oleh itu, tesis ini menilai aspek tersebut menerusi persepsi orang awam dan profesional.

Pengaruh budaya barat di negara Timur menyebabkan kurangnya kepekaan terhadap ilmu setempat yang diwarisi [27] yang menyebabkan kurangnya rujukan mengenai prinsip dan gambaran fizikal alam bina Islamik. Oleh itu, kualiti reka bentuk taman Islamik yang setanding dengan yang terkenal pada zaman lalu telah semakin kurang dibangunkan. Contohnya Al Hambra di Sepanyol, *Generelife Garden* di Parsi, Hunt [20] dan sebagainya. Reka bentuk ruang bandar Islamik juga kurang dibangunkan di Asia Tenggara termasuklah di Malaysia disebabkan kurangnya dokumentasi tentang prinsip reka bentuk Islamik di rantau ini. Selain itu, menurut kajian Ramle *et al.*, [35], proses penerimaan budaya luar oleh sesebuah masyarakat dalam konteks landskap tempatan dipengaruhi oleh faktor alam persekitaran, budaya, pemandangan visual dan landskap yang memberikan makna.

Kesan kekurangan rujukan juga menyebabkan kurangnya kefahaman dan penghayatan terhadap alam bina Islamik, tiada kata sepakat yang jelas diantara kebanyakan pengkaji alam bina Islamik mengenai identiti reka bentuk ruang bandar Islamik yang sebenar [53] dan kurangnya perhatian

terhadap ciri dan kualiti sebenar alam bina Islamik [29]. Ini kerana kebanyakan penulis tidak membuat kajian bagaimana kaedah prinsip alam bina Islamik dibangunkan pada masa dahulu [32]. Ini mewujudkan peminjaman elemen daripada budaya lain sebagai satu fenomena global [41]. Hasan Fathy menyatakan kebanyakan pendidikan seni bina sekarang tidak memberikan pendidikan tentang pelbagai gaya seni bina dari awal sejarah hingga kini. Oleh itu, arkitek sering meniru gaya seni bina bangunan bersejarah [4, 41] tanpa memahami kualiti imej, makna dan nilai yang terkandung [46, 41]

Kesimpulannya, kekurangan rujukan sejarah dan prinsip taman Islamik mengurangkan fungsi dan kesannya terhadap manusia dan persekitaran [32]. Menurut Oktay (2012), kebanyakan "ruang awam" kehilangan bentuk, ekologi dan kualiti sosial. Menurut kajian Abbasi *et al.*, [1] pula, kekurangan aktiviti sosial di kawasan kajiannya adalah disebabkan oleh kualiti ruang terbuka yang rendah. Selain itu perbezaan bangsa, agama dan budaya di Malaysia menimbulkan perdebatan mengenai konsep pembentukan identiti bangsa [27].

2. Tinjauan Kesusasteraan

2.1 Definisi dan Konsep Taman Islamik

Taman Islamik ditafsirkan sebagai reka bentuk landskap menurut prinsip ideologi dan budaya Islam [14]. Taman Islamik adalah gambaran dari taman syurga yang dinyatakan di dalam Al Quran [14,24,10,33]. Menurut sejarah, taman Islamik bercirikan konsep Taman Botani bersejarah [10,38]. Fungsi taman Islamik bukan sahaja memberikan nilai estetik, malah sebagai taman terapi, tempat berehat dan menyediakan sumber makanan daripada tumbuhan.

2.2 Definisi dan Konsep Seni Bina Islamik

Menurut kajian Burckhardt, [8]; Bianca, [6]; Saoud, [43]; Utaberta & Rasdi,[53]; Zin *et al.*, [56], Omer, [31] seni bina Islamik perlu merujuk kepada undang-undang Islam. Seni bina Islamik juga tidak terikat dengan sebarang sistem, gaya atau teknik samada ia dibangunkan oleh Islam atau budaya lain tetapi perlu mengambil kira keperluan cuaca, geografi dan budaya [8,6, 43,31,40,31].

Menurut kajian Itewi [21], keperluan tempatan merupakan keperluan fizikal dan moral penduduk termasuk penerapan identiti dan teknologi moden. Budaya yang dimaksudkan oleh Utaberta & Rasdi, [53]; Zin *et al.*, [56] adalah budaya dan identiti masyarakat setempat di Malaysia. Manakala Omer tidak menjelaskan dengan terperinci samada budaya tersebut merupakan budaya masyarakat Malaysia atau Timur Tengah. Namun, menurut Utaberta & Rasdi, [53], Yassin & Utaberta, [54], kebanyakan pengkaji barat merujuk seni bina Islam kepada seni bina pada abad ke19 di zaman kegemilangan Islam sebagai suatu konsep warisan budaya Islam dan bukan berdasarkan undang-undang Islam.

Fungsi memainkan peranan utama dalam seni bina Islamik berbanding nilai estetik [31,2]. Bagaimanapun, ia perlu mengutamakan kesederhanaan seperti yang diterapkan pada zaman Rasulullah [53]. Antara prinsip seni bina Islam adalah mengambil kira aspek fungsi, keselamatan, keselesaan [21], bentuk [21,13], privasi, menggunakan bahan binaan semula jadi, menyesuaikan reka bentuk dengan seni bina tempatan (vernacular), iklim tempatan dan alam sekitar [21,4].

2.3 Kepentingan Persepsi Orang Awam

Persepsi orang awam dan pengguna penting dalam konteks alam bina [40,36] kerana ia boleh mentafsirkan imej visual yang diperkenalkan oleh pereka alam bina [40]. Perancang bandar perlu melibatkan penyertaan penduduk tempatan kerana tempat mungkin mempunyai makna dan identiti

yang berbeza [19] menurut penentuan dan pengiktirafan masyarakat [41], berdasarkan emosi, pemikiran dan budaya mereka [5].

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah campuran. Data kualitatif melibatkan data analisis kandungan (kajian kesusasteraan), pemerhatian lapangan dan data temu bual profesional. Data kuantitatif diperolehi menerusi kajian soal selidik (survei) terhadap orang awam di Putrajaya untuk mengenal pasti elemen taman Islamik yang menjadi keutamaan mereka dan tahap keutamaan mereka terhadap gaya Dataran Putra dan Astaka Moroco di Putrajaya. Data temu bual bergambar terhadap profesional pula adalah untuk menilai perbandingan kualiti antara Astaka Moroco dan taman Islamik di Timur Tengah serta menganalisis faktor yang mewujudkan keutamaan mereka terhadap Astaka Moroco. Menurut kajian McDaniel [25], tujuan kaedah campuran penyelidikan digunakan antaranya adalah untuk menguatkan dan mengurangkan kelemahan kedua pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Ini kerana ia boleh menjelaskan sumber data yang lain disebabkan reka bentuk, prosedur pengumpulan data dan teknik analisis datanya bergantung kepada visual seperti diagram, bentuk dan sebagainya sebagai alat komunikasi grafik untuk memudahkan penerangan dan gambaran terhadap elemen yang dianalisis [48]. Contohnya, data temu bual profesional termasuk analisis gambar, dapat menjelaskan lagi faktor yang menyebabkan orang awam kurang menyukai gaya Astaka Morocco berbanding Dataran Putra.

3.1 Kaedah Temu Bual Menggunakan Gambar

Temu bual dikendalikan selama 2 bulan setengah bermula dari 1 Disember 2016 hingga 16 Februari 2017. Kaedah temu bual adalah separa-struktur (*semi-structured interview*) menggunakan gambar. Kaedah ini menggunakan sampel kumpulan profesional dalam bidang alam bina. Jumlah sampel kaedah temu bual bergambar diambil berdasarkan jumlah populasi profesional berkepentingan dari sektor kerajaan dan swasta seramai lebih kurang 100 orang. Ia mengambil kira anggaran jumlah responden yang lebih banyak diperolehi menerusi emel/online. Temu bual dilakukan secara perjumpaan, emel dan online. Soalan beserta gambar foto ruang awam Islamik di Putrajaya dicetak di atas kertas dan ditunjukkan kepada responden. Pendapat profesional direkod melalui telefon bimbit dengan kebenaran peserta.

Kaedah temu bual yang direkod ini diadaptasi daripada kajian [37,47]. Rakaman ini boleh digunakan semula sekiranya peserta memerlukannya [47], selain sebagai bukti kajian. Kaedah temu bual menggunakan gambar adalah laporan tambahan untuk menyokong dan menambah maklumat ke atas data kaji selidik [37]. Kaedah menggunakan gambar ini digunakan untuk mendapatkan persepsi pengunjung terhadap kualiti landskap dan rekreasi. Manakala proses temu bual dapat mendedahkan niat penyelidik [47]. Oleh itu, kaedah ini digunakan untuk menilai ruang awam berciri Islamik yang menjadi keutamaan profesional di Putrajaya.

3.2 Kajian Soal Selidik (Survei)


Proses pengumpulan data ini mengambil masa selama dua bulan bermula dari 22 Disember 2016 hingga 28 Februari 2017. Menurut De Vaus [12], adalah sukar untuk menentukan jumlah populasi pengunjung yang melawat sesuatu kawasan ruang awam. Oleh itu pendekatan penentuan saiz sampel menggunakan jadual pengiraan oleh De Vaus [12]. Jumlah sampel pemaklum balas orang awam merangkumi penduduk Putrajaya, penjawat awam, swasta dan pelawat seramai lebih kurang

500 orang. Ia mengambil kira anggaran jumlah responden yang lebih banyak diperolehi menerusi emel/online. Soalan kaji selidik mengandungi soalan tertutup (*close ended*) dan soalan terbuka (*open ended*). Kaji selidik menyediakan 5 skala jawapan iaitu (1) Sangat Tidak Setuju (2), Tidak Setuju (3), Tidak Pasti (4), Setuju, (5) Sangat Setuju [11,7]. Pengumpulan data kaji selidik dilakukan melalui emel, *online* dan perjumpaan. Kaedah pengumpulan data secara *online* bagi kajian soal selidik ini diadaptasi dari penulis [37].

4. Penemuan dan Perbincangan

4.1 Penyertaan Orang Awam berdasarkan Kajian Soal Selidik


Rajah 1 menunjukkan penyertaan orang awam dalam kajian soal selidik. Berdasarkan carta ini, daripada 486 responden, majoriti adalah warganegara Malaysia (99.6%), manakala 0.4% bukan warganegara. Responden yang tinggal di luar Putrajaya (50.4%) lebih ramai berbanding di Putrajaya (49.6%). Responden perempuan (62.2%) lebih ramai berbanding lelaki (37.8%). Responden berkahwin lebih ramai (75.5%) berbanding bujang (24.5%). Kategori umur responden paling ramai adalah 30-41 (64.1%) diikuti 42 ke atas (22.4%) dan 18-29 (13.6%). Responden Melayu paling ramai (98.1%) diikuti bangsa lain (1.2%), India (1%) dan Cina (0.8%). Majoriti responden berpendidikan ijazah (45.6%), diikuti Diploma (20.3%), Master dan keatas (19.9%), SPM (8.6%) dan paling kurang adalah Sijil/STPM (5.5%). Majoriti responden adalah penjawat awam (77.2%), diikuti pelawat (2.5%), pekerja swasta (0.8%), pelajar (0.6%) dan peniaga (0.2%). Kebanyakan penglibatan responden dengan Putrajaya adalah selama 6-10 tahun (46.7%), diikuti 1-5 tahun (24.9%), > 15 dari tahun (23.7%) dan < dari 1 tahun (4.5%). Ia juga menunjukkan tahap kebiasaan kebanyakan responden dengan Putrajaya adalah biasa (59.5%) diikuti sangat biasa (34.9%) dan tidak biasa hanya 5.5%.



Rajah 1. Maklumat Penyertaan Orang Awam

4.2 Penyertaan Profesional berdasarkan Temu Bual Bergambar

Rajah 2 menunjukkan penyertaan profesional dalam kajian temu bual bergambar. Berdasarkan carta ini, daripada 119 responden, majoriti adalah warganegara Malaysia (99.6%), manakala 3.4% bukan warganegara (Iran, Indonesia, Sudan). Responden yang tinggal di luar Putrajaya (90.9%) lebih ramai berbanding di Putrajaya (9%). Responden lelaki (55.3%) lebih ramai berbanding perempuan (49%). Kategori umur responden paling ramai adalah 24-39 (57%) diikuti 42 ke atas (42.8%). Majoriti responden berpendidikan ijazah (62%) diikuti Master (20.6%) dan PhD (17.2%). Kebanyakan responden adalah dari agensi swasta (55.7%), diikuti institusi pengajian tinggi (30%) dan pihak berkuasa tempatan (14%). Jawatan peserta paling ramai adalah Arkitek Landskap (32.4%), diikuti Pensyarah (23.6%), Pengarah/Pengurus (15.8%), Arkitek (10.5%), Perancang Bandar (7.9%), Jurutera (3.5%) dan lain-lain. Majoriti responden adalah pelawat (38.3%), diikuti pekerja swasta (33.3%), penjawat awam (17.5%), pemilik syarikat (3.3%), penduduk (2.5%) dan lain-lain. Kebanyakan penglibatan responden dengan Putrajaya adalah selama 6-10 tahun (31.7%), diikuti > 15 dari tahun (30.8%), 1-5 tahun (29.2%) dan < dari 1 tahun (8.3%). Ini menunjukkan kebanyakan responden mempunyai hubungan yang rapat dengan Putrajaya.



Rajah 2. Maklumat Penyertaan Profesional

4.3 Elemen Taman Islamik

Rajah 3 menunjukkan elemen taman Islamik Tradisional Timur Tengah menjadi keutamaan di Putrajaya menerusi persepsi 483 orang awam. Berdasarkan carta ini, 84.4% suka pokok teduhan disediakan lebih banyak dalam taman. Diikuti elemen bangku (82.6%), wakaf (80.6%), tanaman wangi

(78.6%), susun atur bentuk geometri (75.6%), air pancut (75.2%), laluan pejalan kaki berpusat di tengah halaman (73.9%), pokok palma (73.7%), pokok buahan (66.9%) dan dinding sempadan (59.5%). Oleh itu, pokok teduhan paling disukai, manakala dinding sempadan paling kurang disukai. Berdasarkan pemerhatian, pokok teduhan paling disukai kerana kebanyakan ruang awam di Putrajaya kurang teduhan termasuk di dalam taman. Menurut Moser [26] juga, ruang awam termasuk taman di Putrajaya kurang menyediakan teduhan. Menurut Ruggles & Taboroff [38]; Shafaghat [45]; Clark [10], pokok yang diutamakan dalam taman Islamik adalah pokok teduhan, pokok buahan dan pokok berbunga wangi. Selain itu, elemen bangku juga disukai kerana di Putrajaya juga kurang disediakan tempat duduk di ruang awam. Sebaliknya dinding sempadan paling kurang disukai kerana walaupun ia memberikan keselamatan dan privasi, ia mengurangkan akses dan jarak penglihatan visual ke arah taman termasuk menghalang imej persekitaran di luar taman.



Rajah 3. Elemen Taman Islamik yang Menjadi Keutamaan Orang Awam


4.4 Ciri Ruang Awam Islamik Yang Menjadi Keutamaan

Rajah 4 menunjukkan tahap kesukaan orang awam terhadap Dataran Putra dan Astaka Morocco yang mewakili ruang awam berciri Islamik di Putrajaya berdasarkan persepsi 485 orang awam melalui kajian soal selidik. Berdasarkan carta ini, 80.2% suka gaya Dataran Putra, berbanding Astaka Morocco (72.6%). Berdasarkan pemerhatian, gaya Dataran Putra lebih diutamakan kerana ianya lebih banyak menyediakan kemudahan awam termasuk dikelilingi pesisiran tasik yang turut menjadi tempat tumpuan disamping nilai estetik. Rajah 5 dan 6 adalah analisis gambar Dataran Putra yang menunjukkan elemen taman Islamik yang terdapat di kawasan tersebut.

Analisis ini menunjukkan ruang awam perlu disediakan kemudahan awam agar fungsinya lebih optimum dan lebih disukai. Kemudahan yang disediakan di Dataran Putra termasuklah masjid, tempat makan, tandas, bazar, promenad dan lain-lain. Oleh itu, aktiviti yang wujud termasuklah berciri keagamaan, budaya, sosial dan ekonomi. Menurut kajian penulis berikut, antara faktor ruang awam yang berkualiti tinggi adalah berfungsi dan selesa [23,39] seperti menyediakan kemudahan berehat [10,17], memudahkan aktiviti manusia dijalankan seperti berekreasi dan bersosial, [1,23,15] menyediakan makanan, acara, menjadi pusat komuniti, [23] dan pusat pemuliharaan ekologi [1,49].

Selain itu, dari segi imej visual, Dataran Putra dikelilingi oleh bangunan mercu tanda dan landskap alam seperti tasik yang menjadi tarikan pengunjung ke Dataran Putra disamping nilai estetik. Berdasarkan kajian lepas, responden memilih Dataran Putra sebagai sebuah pemandangan yang

paling menarik di Putrajaya. Menurut kajian Ryan [39] dan Gani, *et al.*, [16] berdasarkan pemerhatian di Taman Tasik Taiping, pengunjung paling tertarik kepada elemen landskap semula jadi seperti flora, fauna dan tasik berbanding elemen struktur binaan seperti jeti, pavilion dan sebagainya. Begitu juga menurut kajian Ujang, *et al.*, [52], di Taman Saujana Hijau dan Taman Putra Perdana di Putrajaya, berdasarkan persepsi orang awam, jumlah kehijauan, pokok dan ciri landskap taman lebih menarik responden berbanding elemen lain.



Rajah 4. Tahap Keutamaan terhadap Gaya Dataran Putra dan Astaka Morocco



Rajah 5. Dataran Putra Putra



Rajah 6. Pesisiran tasik dan kemudahan di Dataran Putra menjadi tarikan

4.5 Perbandingan Kualiti Astaka Morocco dengan Taman Islamik Timur Tengah

Rajah 7 menunjukkan perbandingan kualiti imej Astaka Morocco dengan Taman Islamik yang terkenal di Timur Tengah berdasarkan persepsi profesional. Rujukan taman tradisional Islamik Timur Tengah adalah Al Hambra di Sepanyol manakala taman Islamik moden adalah Taman Al Azhar di Mesir. Al Hambra dijadikan contoh kerana Astaka Morocco meniru reka bentuk Al Hambra dengan menggabungkan teknologi moden. Taman Al Azhar pula dijadikan contoh kerana ia merupakan taman Islamik moden yang berkualiti. Berdasarkan carta ini, daripada 76 responden, 97.3% menyatakan Astaka Morocco tidak setanding kualitinya dengan kedua taman Islamik tersebut samada dari segi fungsi mahupun nilai estetik. Berdasarkan pemerhatian, ianya tidak setanding dari segi fungsi kerana kurang menyediakan kemudahan awam dan aktiviti. Manakala dari segi nilai estetik, ruang taman luarannya berskala kecil menyebabkan kurangnya tanaman dan landskap yang menarik.




Rajah 7. Perbandingan Kualiti Imej Astaka Morocco dengan Taman Islamik Timur Tengah

4.6 Faktor Keutamaan Astaka Morocco

Rajah 8 menunjukkan faktor yang memberikan keutamaan terhadap Astaka Morocco berdasarkan persepsi 114 orang profesional melalui temu bual. Berdasarkan carta ini, 64.4% berpendapat mereka suka gaya taman ini kerana ia mempunyai ciri seni bina Islamik. Manakala faktor utama taman ini kurang disukai adalah kerana ianya kurang unik dan berbeza dari taman Islamik lain (40%). Diikuti faktor kurang fungsi di taman ini (21%) dan tiada identiti nasional (19%). Berdasarkan pemerhatian, Astaka Morocco kurang unik dan berbeza dari taman Islamik lain kerana ianya merupakan taman peniruan dari taman Al Hambra di Sepanyol. Ianya juga kurang fungsi kerana kurang menyediakan kemudahan awam. Rajah 9 adalah analisis gambar Astaka Morocco yang menunjukkan elemen yang terdapat di kawasan tersebut.


Faktor yang menyebabkan mereka suka gaya taman ini adalah kerana ia mempunyai ciri Islamik dan lebih mengutamakan kualiti fungsi berbanding nilai estetik. Nilai Islam yang dimaksudkan berdasarkan imej visual adalah elemen taman tradisional Islamiknya seperti susun atur dan corak geometri menurut kajian [10,14], laluan pejalan kaki berpaksi, elemen air, [38,44,10,14], pokok teduhan, pokok buahan dan pokok berbunga wangi [38,45,10]. Prinsip taman tradisional Islamik Timur Tengah merupakan prinsip yang terbaik kerana ia bersumberkan Al Quran [38,33,44,10,14], mewujudkan imej taman yang tersusun [10,14], seimbang, pemusatan dan penyatuan [18,9,3,10]. Penyatuan adalah hubungan yang harmoni antara geometri, air, penanaman dengan seni bina di sekelilingnya [10].



Rajah 8. Faktor Keutamaan dan Kurang Keutamaan terhadap Gaya Astaka

Manakala faktor utama Astaka Morocco kurang disukai adalah kerana ianya kurang unik dan berbeza dari taman Islamik lain. Ini kerana ianya merupakan taman peniruan dari taman Al Hambra di Sepanyol selain kekurangan fungsi. Menurut kajian penulis berikut, antara faktor ruang awam yang berkualiti tinggi selain cantik [10], ianya hendaklah menonjolkan identiti budaya [23]. Oleh itu, prinsip Islamik yang ingin diterapkan perlu mempunyai identiti masyarakat tersendiri bagi mewujudkan keunikan seperti menerapkan tanaman tropika yang sesuai dengan cuaca tempatan dan seni bina tradisional nusantara.

Analisis ini menunjukkan masyarakat sukakan gaya taman Islamik diterapkan di Putrajaya kerana kurangnya taman Islamik diwujudkan. Bagaimanapun reka bentuk taman tradisional Islamik yang diintegrasikan dengan teknologi moden, tanpa peniruan, berbeza dan unik, menyediakan pelbagai kemudahan awam, menerapkan identiti nasional selain nilai estetik merupakan ciri taman Islamik yang diutamakan untuk diterapkan di Putrajaya. Ia merupakan faktor sesebuah ruang awam berciri Islamik itu mempunyai identiti yang kuat dan dijadikan tumpuan. Selain itu, berdasarkan pemerhatian, identiti nasional kurang diterapkan pada ruang awam termasuk seni bina di Putrajaya. Menurut Ujang, 2012 [51] dan Ujang, 2008 [50], ciri fizikal, budaya, kualiti fungsi, elemen yang menarik, kekerapan lawatan dan tahap kebiasaan memberikan identiti tempat (*sense of place*). Menurut Oktay [28], ruang awam yang berkualiti tinggi boleh membantu mewujudkan semangat kekitaan (*sense of belonging*) dan sekumpulan identiti.



Rajah 9. Astaka Morocco

5. Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan prinsip taman Islamik yang diadaptasi daripada Al Quran dan hadis merupakan prinsip terbaik kerana ia mengutamakan hubungan antara manusia, tuhan dan alam semesta. Ini kerana, prinsip alam bina Islamik lebih mengutamakan fungsi berbanding nilai estetik. Hasil kajian juga menunjukkan, tarikan utama terhadap taman adalah kerana fungsinya yang memberikan keselesaan dan menyediakan pelbagai kemudahan awam berbanding ciri fizikal.

Kekurangan rujukan dan kefahaman mengenai tafsiran sebenar seni bina dan taman Islamik mengurangkan pembangunan taman Islamik dan mewujudkan identiti taman Islamik yang kurang unik. Ini kerana, taman Islamik yang diterapkan tidak semestinya meniru taman Islamik bersejarah, sebaliknya perlu mempunyai identiti tersendiri. Kajian ini membuktikan, ciri budaya, agama dan persekitaran di sesebuah tempat mempengaruhi persepsi masyarakat dalam membentuk identiti

sesebuah ruang awam. Oleh itu, identiti nasional yang merujuk kepada prinsip taman Islamik perlu diterapkan bersesuaian dengan fungsi Putrajaya sebagai pusat pentadbiran dan identitinya sebagai bandar Islamik.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa komunikasi antara tiga pihak yang melibatkan pihak berkuasa tempatan, para profesional dan orang awam yang merupakan penduduk tempatan dan pengunjung amat diperlukan dalam perancangan pembangunan. Ini kerana identiti yang ditentukan oleh masyarakat dapat menggambarkan imej dan identiti bandar yang mewakili agama dan budaya masyarakatnya untuk kesejahteraan hidup penduduk tempatan.

Hasil kajian adalah penting untuk membangunkan rangka kerja bagi mewujudkan gaya reka bentuk ruang awam Islamik di Putrajaya yang disukai masyarakat dalam konteks perbandaran Malaysia. Ia juga dapat menyelesaikan masalah ketidak fahaman prinsip taman Islamik yang membawa kepada masalah identiti taman Islamik yang tidak jelas, fungsi yang tidak efisien dan kurang keunikan.

Rujukan

- [1] Abbasi, Ayah, Chaham Alalouch, and Glen Bramley. "Open space quality in deprived urban areas: user perspective and use pattern." *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 216 (2016): 194-205.
- [2] Ahmed, Ar Sayed. "The Spiritual Search of Art Over Islamic Architecture with Non-figurative Representations." *Journal of Islamic Architecture* 3, no. 1 (2014): 1-13.
- [3] Ali, W. (2006). Beauty and Easthetics in Islam. Essays in Honour of Ekmeleddin Ihsanoglu. Istanbul, 1RCICA. pp.299-306. Sumber: www.muslimheritage.com
- [4] Al Sayyed, Waleed. "Contemporary Arab Architecture: Space, Form, and Function." *Lonaard Journal* 2, no. 7 (2012).
- [5] Amundsen, A. B. "Articulations of identity: A methodological essay and a report on Askim and Tidaholm." *Østfold, NoordXXI* (2001).
- [6] Bianca, S. (2000). Urban Form in the Arab World. London: *Thames and Hudson*.
- [7] Boone, Harry N., and Deborah A. Boone. "Analyzing likert data." *Journal of extension* 50, no. 2 (2012): 1-5.
- [8] Burckhardt, T. (1976). Art of Islam. London: *World of Islam Festival Publishing Company Ltd*.
- [9] Burckhardt, Titus. *Art of Islam: language and meaning*. World Wisdom, Inc, 2009.
- [10] Clark, Emma. *The art of the Islamic garden*. Marlborough: Crowood, 2004
- [11] Creswell, John W., and J. David Creswell. *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. Sage publications, 2017.
- [12] De Vaus, David, and David de Vaus. *Surveys in social research*. Routledge, 2013.
- [13] Edrees, Munichy Bachroon. "Konsep Arsitektur Islami Sebagai Solusi Dalam Perancangan Arsitektur." *Journal of Islamic Architecture* 1, no. 1 (2012).
- [14] El-Deen, Hamed. "Paradise on earth: historical gardens of the arid Middle East." *Arid Lands Newsletter* 36 (1994): 5-11.
- [15] Francis, Mark. *Urban open space: Designing for user needs*. Island Press, 2003.
- [16] Gani, Nurul Hijrah Abd, Noorizan Mohamed, and Norsidah Ujang. "Association between landscape heritage elements and place attachment among visitors in Taiping Lake Garden." *J. Trop. Resour. Sust. Sci* 3 (2015): 154-163.
- [17] Gehl, Jan. "Public spaces for a changing public life." *Open space: People space* (2007): 3-7.
- [18] Habibshaikh. (2013). Madinah Has Best Islamic Urban Planning. Sumber: www.arabnews.com
- [19] Jenkins, Paul, and Cliff Hague. "Place Identity, Participation and Planning." (2004).
- [20] Hunt, John Dixon. *A world of gardens*. Reaktion Books, 2014.
- [21] Itewi, Mahmoud. "Towards a modern theory of Islamic architecture." *Australian Journal of Basic and Applied Sciences* 1, no. 2 (2007): 153-156.
- [22] Jani, Haza Hanurhaza Md, Nor Zalina Harun, Mazlina Mansor, and Ismawi Zen. "Exploring the Islamic Garden concept as inspirational landscape design." *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 170 (2015): 359-368.
- [23] MacKenzie, Annah. "Reimagining our streets as places: From transit routes to community roots." *Project for public spaces*(2015).
- [24] Makhzoumi, Jala M. "Landscape in the Middle East: an inquiry." *Landscape Research* 27, no. 3 (2002): 213-228.
- [25] McDaniel, Cynthia A. "CHAPTER 5: Research Design and Methodology." *Counterpoints* 296 (2006): 71-93.
- [26] Moser, Sarah. "Putrajaya: Malaysia's new federal administrative capital." *Cities* 27, no. 4 (2010): 285-297.

- [27] Mursib, G. & Rasdi, M. T. H. M. (2016). Regionalisme Dalam Seni Bina Malaysia. Era Moden, Pasca Moden dan Global. *Dewan Bahasa dan Pustaka*.
- [28] Oktay, Derya. "Human sustainable urbanism: In pursuit of ecological and social-cultural sustainability." *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 36 (2012): 16-27.
- [29] Spahic, Omer. "Conceptualizing Islamic Architecture." *Al-Shajarah* 15, no. 2 (2010): 199-228.
- [30] Omer, Spahic. "The Concepts of God, Man, and the Environment in Islam: Implications for Islamic Architecture." *Journal of Islamic Architecture* 2, no. 1 (2012).
- [31] Omer, S. (2014). Sustainability and Islamic Architecture. Sumber: www.medinanet.org
- [32] Parodi, Laura E. "Islamic Gardens and Landscapes By D. Fairchild Ruggles." (2010): 439-443.
- [33] Pramono, Andi. "IMPLEMENTASI AL-QUR'AN DAN AL-HADITS PADA ARSITEKTUR ANDALUSIA." *Journal of Islamic Architecture* 1, no. 1 (2012).
- [34] Holdings, Putrajaya. "Pembinaan Putrajaya: Perspektif Pemaju: 1995-2002 [The Making of Putrajaya: The Developer's Perspective]." *Putrajaya Holdings, Putrajaya*(2003).
- [35] Ramle, N., Shuaib, A.A., Abdullah, R., Othman, N. (2013). Unsur Islam dalam Seni Bina Landskap Melayu berdasarkan Pemilihan Tumbuhan di Bandar Kota Bharu: Satu Kajian Kes. *TENIAT International Journal of Creative Futures and Heritage*, Vol 3, Issue No 2, pp 79-86
- [36] Rapoport, Amos. *Human aspects of urban form: towards a man—environment approach to urban form and design*. Elsevier, 2016.
- [37] Rojak, Dana, and Laura B. Cole. "Place Attachment and the Historic Brewpub: A Case Study in Greensboro, North Carolina." *Journal of Interior Design* 41, no. 1 (2016): 33-50.
- [38] Ruggles, D. F., & Taboroff, J. (2016). Gardens and Landscaping from Oxford Islamic Studies Online. *Muslim Journeys*. Sumber: bridgingcultures.neh.gov
- [39] Ryan, Robert L. "The role of place attachment in sustaining urban parks." *The Human Metropolis: People and Nature in the 21st-Century City [full book]* (2006): 61.
- [40] Salama, Ashraf M. "Mediterranean Visual Messages: The Conundrum of Identity, ISMS, and Meaning in Contemporary Egyptian Architecture." *ArchNet-IJAR: International Journal of Architectural Research* 1, no. 1 (2007): 86-104.
- [41] Salama, Ashraf M. "Interrogating the practice of image making in a budding context." *International Journal of Architectural Research: ArchNet-IJAR* 8, no. 3 (2014): 74-94.
- [42] Saleh, Mohammed Abdullah Eben. "Place identity: The visual image of Saudi Arabian cities." *Habitat international* 22, no. 2 (1998): 149-164.
- [43] Saoud, Rabah. "Introduction to the Islamic City." *FSTC Limited*(2002).
- [44] Seçkin, Yasin Çağatay. "Understanding the relationship between human needs and the use of water in landscape design." *A/ Z ITU Journal of the Faculty of Architecture* 7, no. 1 (2010): 1-17.
- [45] Shafaghat, Ali. "Phytochemical investigation of quranic fruits and plants." *فصلنامه علمی پژوهشی گیاهان دارویی*, no. 35 (2010): 61-66.
- [46] Sidawi, Bhzad. "Understanding the vocabulary of the Islamic architectural heritage." *Global Built Environment Review* 8, no. 2 (2013).
- [47] Stedman, Richard, Tom Beckley, Sara Wallace, and Marke Ambard. "A picture and 1000 words: Using resident-employed photography to understand attachment to high amenity places." *Journal of Leisure Research* 36, no. 4 (2004): 580-606.
- [48] Tashakkori, Abbas, and Charles Teddlie, eds. *Sage handbook of mixed methods in social & behavioral research*. Sage, 2010.
- [49] Thompson, Catharine Ward. "Urban open space in the 21st century." *Landscape and urban planning* 60, no. 2 (2002): 59-72.
- [50] Ujang, N. "Place attachment, familiarity and sustainability of urban place identity." *Department of Landscape Architecture, Faculty of Design and Architecture, University Putra, Malaysia*(2008).
- [51] Ujang, Norsidah. "Place attachment and continuity of urban place identity." *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 49 (2012): 156-167.
- [52] Ujang, Norsidah, Amine Moulay, and Khalilah Zakariya. "Sense of well-being indicators: Attachment to public parks in Putrajaya, Malaysia." *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 202 (2015): 487-494.
- [53] Utaberta, Nangkula, and Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi. *Pemikiran Seni Bina Islam: Moden Di Dunia & Malaysia*. Penerbit UTM Press, 2013.
- [54] Yassin, Ayat Ali, and Nangkula Utaberta. "architecture in the Islamic civilization: Muslim building or Islamic architecture." *Journal of Islamic Architecture* 2, no. 2 (2012).
- [55] Zen, I. H. (2005). From Laetoli To Putrajaya: Tracking the Footprints of Malaysian Islamic Cultural Landscape. Conference of Iran and Malaysia Experiences in Islamic (Architecture & Built Environment), 1-11.

-
- [56] Zin, Aizan Ali Mat, Tarek Ladjal, Faisal Ahmad Faisal Abdul Hamid, Nurulwahidah Fauzi, and Fadila Grine. "Al-Attas's Works and Contributions to the Islamic Architecture in Malaysia." *Middle-East Journal of Scientific Research* 14, no. 12 (2013): 1685-1690.